

APA SILAP MAHATHIR?

politik - masa

15 APR 1988

APA silap Dr. Mahathir?

Pertanyaan ini timbul oleh sindrom politik tanahair sekarang yang cenderung kepada konfrantasi oleh golongan-golongan fraksi.

Mereka seolah-olah meletakkan semua kesalahan yang berlaku di bahu Perdana Menteri.

Bagi saya, Dr. Mahathir hanya melakukan satu kesalahan saja. Kesilapan dasar liberalisme beliau.

Malaysia memang sebuah negara demokrasi namun Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abd. Razak dan Tun Hussein Onn tidak mengamalkan dasar liberal.

Walaupun hak bersuara termaktub dalam perlembagaan tetapi kebebasan bersuara tanpa memikirkan implikasinya boleh memusnahkan perpaduan parti dan bangsa.

Dasar liberalisme ini telah dipergunakan semacam pasport mengghairahkan semua orang bercakap dan bertindak hingga boleh mempengaruhi pihak lain menyertai matlamat mereka.

Apabila hasrat mereka tidak kesampaian akhirnya terbentuklah golongan-golongan fraksi ini.

Ternyata dasar ini tidak menguntungkan parti apabila dipraktikkan secara terbuka. Lebih-lebih lagi kelantangan bersuara bersubjekkan emosi.

Selain parti sendiri, dasar liberalisme ini dipergunakan sepenuhnya oleh orang-orang politik, golongan pendesak, pengamal agama, media massa dan penulis-penulis upahan.

Pelbagai rupa buku ulasan politik ada dalam pasaran sekarang yang menikmati kebebasan ini.

Ada di antaranya terang-terang mencemarkan nama baik pemimpin-pemimpin secara membabi buta dan menggunakan bahasa berbarisme.

Mereka menulis lebih pantas dari otak.

Sepatah kata Anwar Ibrahim: Terdapat pengarang-pengarang upahan yang membahaskan soal nilai budi tetapi keperibadian dan akhlak mereka adalah jelek dan rendah.

Kakitangan kerajaan juga terbawa-bawa dengan dasar ini.

Saya pernah mendengar ulasan seorang kakitangan RTM di TV1 menganalisisakan perwatakan pemimpin-pemimpin kita menjelang Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu.

Antara lain katanya, Dr. Mahathir seorang pemimpin yang suka ada krisis. Sekali imbas kedengaran semacam cakap hamlau. Kalau dihalusi ternyata komen ini memberi makna bahawa Perdana Menteri seorang pemimpin yang tidak suka perdamaiian.

Walaupun komen ini boleh menjejaskan kredibiliti negarawan kita itu namun beliau tidak membuang kerja pengulas tersebut selepas kemenangan beliau.

Kalaulah hal ini berlaku di zaman sebelum Dr. Mahathir sudah pasti mereka akan dipetisejukkan.

Contohnya Allahyarham

Datuk Ahmad Bustaman selepas bersara dari Parti Rakyat bekerja sebagai Pengarang Rencana *Utusan Melayu*.

Akibat cuba menulis agak bebas, beliau dibuang kerja 24 jam.

Menurut katanya arahan dari Pejabat Perdana Menteri.

Hari ini Utusan harus bersyukur kerana dapat mengamalkan dasar bebas walaupun ada timbang bicara, ada minimum dan maksimum. Namun keutuhannya sebagai penyambung lidah orang Melayu tetap terpelihara.

Bercakap fasal Utusan, saya teringat sewaktu kempen hebat menjelang pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun lalu. Pemimpin-pemimpin team B telah menggunakan strategi yang sangat berkesan.

TAKTIK

Di mata umum, mereka menyalahkan akhbar *Utusan* kerana tidak menyiarkan ucapan-ucapan mereka dan orang ramai turut bersetuju dengan cakap-cakap mereka bahawa *Utusan*, *Berita Harian*, RTM, TV3 dikontrol oleh Dr. Mahathir.

Sebenarnya sebelum majlis-majlis perjumpaan bermula, pemimpin-pemimpin team B awal-awal lagi mengingatkan para wartawan supaya tidak menyiarkan ucapan mereka.

Akibatnya terbitlah laporan berat sebelah dalam akhbar-akhbar kebangsaan dan timbullah simpati kepada team B. Inilah taktik "reverse psychology".

Tanpa menyedari taktik ini, akhbar-akhbar kebangsaan pun menyiarkan sebanyak boleh lentam-lentum pemimpin-pemimpin team A, hingga meletakkan kemenangan tipis Dr. Mahathir.

Kalau dulu seorang menteri, Aziz Ishak terpaksa disingkirkan daripada kabinet semata-mata menyuarakan secara bebas hasratnya untuk melaksanakan projek baja urea bertujuan membantu para petani kita.

Sedangkan hakikat sebenarnya projek baja urea itu kalau dilaksanakan akan menjejaskan perniagaan tauke-tauke MCA yang menjadi pengimpot utama baja luar negeri.

Di zaman Dr. Mahathir ada menteri-menteri kabinetnya bukan bercakap hal-hal kemajuan rakyat lagi tetapi terang-terang menikam bossnya dari depan dan mencabar kewibawaannya.

Pun begitu mereka terus menjadi menteri sehinggalah satu rombakan kabinet baru dibentuk selepas pemilihan pucuk pimpinan parti.

Dr. Mahathir dipersalahkan juga kerana menggugurkan mereka. Dr.

Mahathir bukan saja membawa dasar liberalisme tetapi juga mewujudkan konsep nilai-nilai Islam dalam pentadbirannya.

Kalau dulu orang-orang PAS (di zaman Datuk Asri) memakai tali leher dan kot dalam upacara-upacara rasmi, sekarang ketayap sudah menjadi budaya mereka.

Mereka sudah mempraktikkan konsep nilai-nilai Islam yang diinisiatifkan oleh Dr. Mahathir. Syukurilah.

Kalau mahkamah boleh mengharamkan UMNO tetapi kerajaan tidak boleh mengharamkan pertubuhan ARQAM kerana pertubuhan itu tidak berdaftar. Hanya pertubuhan yang berdaftar saja boleh diharamkan.

Barangkali ARQAM menggunakan piagam prasasti (piagam yang bertulis pada batu), jadi dia tidak lut oleh undang-undang negara.

Pendesak-pendesak agama juga marahkan TV3 kerana terlalu bebas menyiarkan tarian-tarian ghairah.

Yang anehnya ada di antara orang-orang ARQAM berkumpul di rumah Sahara Yaakob bila tiba tayangan Solid Gold di TV3 (dipetik dari kenyataan Sahara sendiri).

Mungkin mereka juga menikmati dasar liberalisme?

LIBERAL

Dasar liberal ini juga memberi peluang kepada semua golongan pendesak termasuk parti-parti pembangkang bercakap dengan bebas kononnya sebagai membuktikan bahawa Malaysia sebuah negara demokrasi.

Yang peliknya akhbar *The Star* (permit lama) dipunyai oleh MCA tetapi memberi tempat yang istimewa kepada DAP.

Apabila keadaan menjadi tegang dan "peristiwa 13 Mei" hampir

hampir tercetus semula, maka pihak polis terpaksa menangkap ramai ahli politik dan pemimpin pendesak di bawah ISA.

Inilah satu tindakan yang tegas dan berani pernah dilakukan oleh mana-mana Perdana Menteri semata-mata menjamin keselamatan rakyat dan negara.

Selepas peristiwa itu, satu lagi titik hitam berlaku. Berita UMNO diharamkan telah menimbulkan kegelisahan rakyat khususnya orang Melayu.

UMNO parti yang menjadi teras orang Melayu dan teraju pemerintahan negara tiba-tiba menjadi haram.

Semua orang tahu bahawa kumpulan 11 UMNO dan pendokong-pendokongnya membawa kes ke mahkamah dan berdasarkan saman tersebut serta undang-undang yang termaktub, maka UMNO menjadi haram.

Pun begitu ada orang yang menyalahkan Dr. Mahathir.

Sebenarnya Dr. Mahathir adalah penyelamat bangsa Melayu dan kerajaan yang majoritinya dikuasai oleh Melayu apabila UMNO diharamkan.

Kalaulah tidak kerana kebijaksanaan dan budi bicara yang tinggi Dr. Mahathir, sudah pasti kekuasaan politik orang Melayu hancur berkecai dengan sekelip mata saja.

PERPADUAN

Tindakan yang rasional Perdana Menteri mendaftarkan UMNO (baru) telah menyelamatkan kekuasaan politik orang Melayu daripada berkubur di tanahairnya sendiri.

Belapa terharunya kita apabila parti-parti komponen Barisan Nasional yang majoritinya terdiri daripada parti bukan Melayu telah berdiri teguh di belakang Perdana Menteri.

Penubuhan UMNO (baru) merupakan satu resolusi yang paling realistik untuk menyatukan semula perpaduan orang Melayu khususnya ahli-ahli UMNO setelah UMNO lama hancu-boncai.

Pengalaman-pengalaman getir yang dilalui oleh Dr. Mahathir menyebabkan beliau lebih berhati-hati agar UMNO (baru) lebih padu dan stabil walaupun terpaksa kehilangan beberapa tokoh lama.

Sebenarnya kalau diteliti, apa juga usana Dr. Mahathir dibuat akibat daripada tindak tanduk orang-orang yang menentangnya.

Sepatah kata George Bernard Shaw:

The reasonable man adapts himself to the world, the unreasonable one persists in trying to adapt the world to himself. Therefore all progress depends on the unreasonable man.

Tegasnya lebih banyak tindak tanduk dilakukan oleh penentang-penentangnya lebih banyak kemajuan yang didapati oleh Dr. Mahathir.

Natijahnya, inilah satu rahmat Tuhan yang didapati oleh Dr. Mahathir oleh dasar liberalisme beliau.